



# TANDA-TANDA BESAR KIAMAT: ANALISIS METODE DAN KRONOLOGI

(Major Sign of the Final Day: An Analysis of its Chronological Events)

Abdul Muhaimin Mohd Rapingi<sup>1</sup>, Mohd Yusuf Ismail<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

## Abstract

*The emergence of various interpretations relating the current situation to the content of hadith al-fitan wa al-malahim has become a phenomenon among the public and experts in the field. Discussion among the public regarding this matter has gone viral whenever new issues ranging from politics, social, economic as well as cosmology, and medical issues appear to have a connection with certain hadith of the Prophet. However, discussion without a proper understanding of the methodology in dealing with hadith of al-fitan wa al-malahim could lead to a serious misunderstanding of the hadith. Besides, some people tend to create predictions of the time of al-Qiyamah based on their understanding of current issues and the hadith. This paper attempt to briefly describe the basic methodology in dealing with the hadith of al-fitan wa al-malahim, and further elaborate the chronology of major sign of the al-Qiyamah where correct understanding of the major events of al-Qiyamah could help in avoiding false prediction of the time of al-Qiyamah.*

**Kata Kunci:** *major signs, al-qiyyamah, al-fitan, al-malahim, chronology, methodology.*

## Article Progress

Received: 17 March 2022

Revised: 10 April 2022

Accepted: 2 May 2022

\*Corresponding Author:

Mohd Yusuf Ismail.

Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM)

Email:

yusufismail@usim.edu.my

## DEFINISI

Tanda Kiamat yang utama atau disebutkan sebagai asyrāt al-sā’ah al-kubra ialah perbincangan tanda-tanda kiamat terbesar dan terpenting sebelum berlakunya hari kiamat. Ibn Hajar menyatakan bahawa ‘tanda kiamat’ bermaksud tanda-tanda yang berakhir dengan berlakunya hari kiamat<sup>1</sup>. Definisi Ibn Hajar ini turut disebut oleh al-Bayhaqī, menurut beliau ‘tanda kiamat’ merupakan sesuatu peristiwa yang datang sebagai isyarat kepada hampirnya hari kiamat<sup>2</sup>. Muhammad Hawwa pula mengemukakan definisi baharu apabila beliau mengkhususkan tanda kiamat sebagai peristiwa yang berlaku berdasarkan perkhbaran daripada Nabi SAW sahaja, sama ada perkhbaran tersebut berbentuk peringatan, berita gembira, atau pemakluman<sup>3</sup>.

Definisi secara khusus bagi ‘tanda-tanda besar kiamat’ telah diisyaratkan oleh ‘Umar Sulayman al-Asyqar dalam penulisannya. Pada pandangan beliau, tanda-tanda besar kiamat adalah sepuluh peristiwa yang akan berlaku sebelum berlakunya hari kiamat<sup>4</sup>. Pandangan beliau tersebut bersandarkan kepada hadis daripada Huzayfah bin Asid al-Ghifary yang diriwayatkan dalam Sahīh Muslim. Baginda SAW bersabda di dalam hadis tersebut bahawa kiamat tidak akan berlaku melainkan setelah berlakunya sepuluh peristiwa, lalu Baginda menyebut al-Dukhān, al-Dajjāl, al-Dābbah, matahari keluar dari barat, turunnya Nabi Isa AS, kemunculan Yakjuj dan Makjuj, berlaku tiga bencana; di timur, barat, dan

<sup>1</sup> Ibn Hajar. Ahmad bin ‘Alī bin Hajar. 1379 h. *Fath al-Bārī Syarḥ Sahīh al-Bukhārī*. Lubnan : Dar al-Ma’rifah. Vol. 13 p. 79.

<sup>2</sup> Muḥammad Hawwā. 2016. *Manhaj al-Ta’āmul Ma’a Aḥādīth al-Fitan wa al-Mustaqbal*. <http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān. 2016. *Al-‘Aqīdah fī Ḍaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Jordan : Dar al-Nafā’is. Vol. 2. P. 225.

kepulauan Arab, dan terakhir adalah api yang keluar daripada Yaman lalu menghalau manusia menuju ke Mahsyar<sup>5</sup>.

Dapat disimpulkan daripada definisi di atas bahawa ‘tanda-tanda besar kiamat’ ialah: ‘Sepuluh peristiwa utama yang pasti berlaku sebelum tiba hari kiamat berdasarkan janji Rasulullah SAW’.

## **DISIPLIN BERINTERAKSI DENGAN RIWĀYĀT AL-FITAN WA ASYRĀṬ AL-SĀ’AH**

Interaksi dengan riwayat al-fitan wa asyrat al-sa’ah tidak boleh dipraktikkan secara sambalewa. Bahkan, seseorang memerlukan disiplin yang tinggi ketika membahaskan perkara ini, merangkumi disiplin terhadap riwayat dan disiplin dalam memahami teks riwayat. Pembentukan disiplin yang jitu dan ketat dalam memahami riwayat fitan wa asyrat al-sa’ah merupakan suatu keperluan bagi membentuk metode yang benar serta pemahaman yang tepat terhadap riwayat bagi topik ini.

### **Disiplin Berinteraksi dengan Riwayat Hadis**

Perkara pertama yang perlu diperhalusi dalam berinteraksi dengan riwayat al-fitan wa asyrat al-sa’ah adalah memastikan kesahihan riwayat tersebut. Manakala riwayat daif yang menyebut tentang topik ini tidak boleh dijadikan sandaran dan hujah kerana perbahasan berkaitan hari kiamat adalah perbahasan berkaitan akidah yang memerlukan sandaran wahyu yang sahih sahaja untuk menghuraikannya. Bukti perbahasan ini merupakan perbahasan akidah adalah berdasarkan kenyataan Nabi SAW yang menjadikan kepercayaan kepada hari kiamat sebagai salah satu daripada rukun iman. Selain itu, topik perbincangan tanda-tanda kiamat juga termasuk dalam perkara ghaib yang tidak diketahui melainkan dengan panduan wahyu yang sahih<sup>6</sup>. Dalam hadis riwayat Abū Hurayrah, ketika Nabi SAW ditanya oleh Jibril tentang waktu sebenar hari kiamat, Baginda SAW sendiri tidak mampu menjawab persoalan tersebut, kata Nabi SAW : “...Tidaklah yang ditanya lebih tahu dari yang bertanya”<sup>7</sup>. Ini mengisyaratkan keterbatasan pengetahuan manusia tentang perkara ghaib melainkan dengan panduan wahyu semata.

Disiplin seterusnya selepas memastikan kesahihan riwayat adalah mengumpulkan semua riwayat dalam satu topik yang sama. Pengumpulan tersebut mampu merungkaikan pelbagai kemusykilan yang timbul terhadap hadis berbanding sandaran kepada sebahagian riwayat sahaja tanpa melihat kepada riwayat-riwayat yang lain. Menurut Yūsuf al-Qaradāwī, pengumpulan riwayat dalam satu topik yang sama merupakan satu kewajipan kerana usaha tersebut boleh menzahirkan makna sebenar yang dimaksudkan oleh teks hadis, selain mampu menzahirkan perkara yang samar, mengkhususkan perkara yang umum, mengikat perkara yang mutlak, yang akhirnya akan menyelesaikan pertentangan antara sesebuah teks hadis dengan teks hadis-hadis yang lain<sup>8</sup>.

### **Disiplin Berinteraksi dengan Teks Hadis**

Kesahihan sesebuah hadis tidak akan memberi sebarang makna jika tidak difahami teks hadis tersebut dengan kefahaman yang sahih. Pelbagai aliran akidah kadangkala menggunakan dalil yang sahih dalam berhujah, namun pemahaman mereka yang salah terhadap teks dalil menyebabkan mereka terkeluar daripada kelompok ahlusunnah. Maka, antara perkara utama yang perlu diberi tumpuan bagi topik ini selain aspek kesahihan dan pengumpulan hadis, adalah aspek dalam memahami teks hadis, seperti berikut :

<sup>5</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Fitan. Bab al-Āyāt Allafī Takuna Qabl al-Sa’ah. #5162.

<sup>6</sup> Al-Qaradāwī, Yūsuf. 2013. *Kayfa Nata’āmalu Ma’a al-Sunnah*. Dar al-Syuruq. P.191.

<sup>7</sup> Diriwayatkan oleh al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Īmān. Bāb Su’āl Jibrīl al-Nabiyyā Ṣallallāhu ‘Ālayhi Wasallam ‘Ān al-Īmān. #50

<sup>8</sup> Al-Qaradāwī, Yūsuf. 2013. *Kayfa Nata’āmalu Ma’a al-Sunnah*. Dar al-Syuruq. P. 123.

**i. Memahami hadis melalui neraca al-Quran dan hadis sahih yang lain.**

Hadis mempunyai kaitan yang cukup kuat dengan al-Quran kerana antara tugas hadis adalah memperincikan kandungan al-Quran, sama ada mentafsir ayat-ayatnya, mengkhususkan umum kandungannya, menguatkan topik didalamnya, mengikat keluasannya, dan menambah hukum baharu yang tidak terdapat di dalamnya<sup>9</sup>. Oleh itu, adalah suatu yang mustahil jika kandungan sesebuah hadis bertentangan dengan kandungan al-Quran. Namun, jika sesebuah hadis dilihat bertentangan dengan al-Quran, pasti telah berlaku salah satu daripada dua kemungkinan, samada hadis tersebut tidak bertaraf sahih, atau berlaku salah faham terhadap kandungan teks hadis<sup>10</sup>. Dalam konteks tanda-tanda kiamat, terdapat sekumpulan manusia yang tidak percaya dengan kemunculan al-Mahdī dan al-Dajjal. Menurut mereka, semua hadis yang membicarakan tentang al-Mahdī adalah berstatus daif<sup>11</sup>, manakala penolakan mereka kepada kemunculan al-Dajjal pula disebabkan tiada ayat al-Quran yang menyebut tentangnya<sup>12</sup>. Namun, dakwaan mereka tersebut merupakan dakwaan yang salah kerana hadis tentang al-Mahdī dan al-Dajjal telah mencapai tahap mutawātir seperti yang telah dinukilkan oleh al-Syawkanī dalam kitab beliau “al-Tawḍīḥ fī Tawāturi Mā Jā’a fī al-Mahdī al-Muntazar wa al-Dajjal wa al-Masīḥ”. Tambah Sharf al-Quḍāh dalam menjawab keraguan ini : “Tidak ada satu kaedah yang menyebut nukilan daripada al-Quran lebih penting berbanding nukilan daripada al-Sunnah. Bahkan, al-Quran pada sebahagian tempat menyatakan tentang perkara-perkara sunat dan harus, sedangkan al-Sunnah pula pada sebahagian tempat menyatakan tentang perkara wajib yang tidak disebut dalam al-Quran”<sup>13</sup>.

**ii. Mengutamakan pemahaman secara hakikat dan tidak memahami secara metafora melainkan dengan bukti.**

Menurut Sharf al-Quḍāh, kaedah asal dalam memahami teks hadis al-fitan wa asyrāt al-sā’ah adalah memahami secara hakikat dan tidak berpindah kepada pemahaman secara metafora melainkan dengan hujah yang mencukupi<sup>14</sup>. Sebagai contoh, hadis turunya Nabi ‘Īsā tidak boleh difahami sebagai isyarat berakhirnya peperangan dan permulaan kehidupan aman damai. Ini kerana terdapat pelbagai hadis sahih lain yang menyebut tentang sifat-sifat Nabi ‘Īsā seperti warna kulitnya, bentuk rambutnya, dan tempat penurunannya, yang tidak memungkinkan maksud bagi perkara tersebut sebagai keamanan dalam kehidupan, dan tidak juga pengakhiran bagi kekacauan. Manakala hadis kecacatan sebelah mata al-Dajjal tidak boleh difahami sebagai kelemahan negara-negara Islam dan kemajuan negara-negara barat, kerana hadis juga menyebut tentang sifat al-Dajjal yang lain seperti tertulis kalimah “كفر” pada dahinya, yang tidak mungkin membolehkan kita mentafsirkan setiap perincian tersebut dengan tafsiran metafora.

**iii. Mengetahui hikmah dan maqasid disebalik teks hadis al-fitan wa asyrat al-sa’ah.**

Setiap dalil daripada al-Quran mahupun al-Sunnah pasti mempunyai hikmah dan maqasid tersendiri yang perlu difahami dan diteliti oleh seseorang muslim. Antara hikmah daripada hadis al-fitan wa asyrāt al-sā’ah adalah menjadikan orang mukmin beriman dengan khabar yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, melindungi orang mukmin daripada mudah percaya dengan dakwaan kumpulan sesat serta golongan kafir tentang topik ini, memperkenalkan dalil-dalil yang sahih tentang topik, dan menzahirkan mukjizat kebenaran khabar-khabar berkaitan

<sup>9</sup> Al-Quḍāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2013. *Al-Minhaj al-Hadis fi Ulum al-Hadis*. Jordan : Dar al-Furqān. P. 11.

<sup>10</sup> Al-Ghawrī, Sayyid Abd al-Mājid. 2017. *Al-Ḍawābiḥ al-Asasiyyah li Fahm al-Hadīth al-Nabawī*. Malaysia : Dar al-Syākir. P. 45.

<sup>11</sup> Al-Quḍāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2015. *Kharīṭah al-Mustaqbal fi al-Ḥadīth al-Nabawī*. Jordan : Dar al-Furqān. P. 59.

<sup>12</sup> Al-Quḍāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2015. *Kharīṭah al-Mustaqbal fi al-Ḥadīth al-Nabawī*. Jordan : Dar al-Furqān. P. 71.

<sup>13</sup> Ibid.

<sup>14</sup> Al-Quḍāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2015. *Kharīṭah al-Mustaqbal fi al-Ḥadīth al-Nabawī*. Jordan : Dar al-Furqān. P 16.

masa hadapan<sup>15</sup>. Maqasid di sebalik mengetahui hadis al-Fitan wa asyrāt al-sā'ah pula adalah menjadikan manusia sentiasa berwaspada dan bersedia dalam berhadapan dengannya, mengukuhkan jati diri dan iman manusia untuk tidak terjerumus dalam fitnah, dan menambah semangat orang mukmin agar terus teguh berpegang dengan agama Allah serta taat akan segala perintahNya. Manakala dakwaan sebahagian kelompok yang mengatakan pengetahuan tentang perkara ini akan menjadikan manusia berputus asa lalu mereka hanya akan menunggu kedatangan al-Mahdī dan Nabi 'Īsā semata merupakan dakwaan salah dan bercanggah prinsip Islam. Ini kerana perjuangan Islam tetap perlu diteruskan dari setiap sudut sekalipun tanpa melalui zaman al-Mahdī dan Nabi 'Īsā, seperti kesungguhan para sahabat berjuang menegakkan agama Allah sekalipun selepas kewafatan Rasulullah SAW.

**iv. Tidak bermudah-mudah mengaitkan situasi semasa dengan kandungan hadis.**

Terdapat pelbagai tafsiran terhadap hadis al-fitan wa asyrāt al-sā'ah, antara tafsiran yang masyhur dewasa ini adalah mengaitkan situasi semasa dengan kandungan hadis. Justeru, penulis melihat keperluan untuk meletakkan disiplin bagi tafsiran sebegini demi menjaga kandungan hadis daripada tafsiran yang tidak bersesuaian. Menurut Abdullah al-'Ujayrī, pelbagai mudarat akan berlaku apabila tersalah mengaitkan situasi semasa dengan kandungan hadis, antaranya adalah berdusta kepada Allah dan RasulNya, menisbahkan sesuatu kepada Allah dan RasulNya tanpa ilmu pengetahuan, mereka-reka sesuatu perkara dengan tujuan keuntungan individu, dan merosakkan maksud sebenar sesuatu dalil<sup>16</sup>. Contoh praktikal bagi kesalahan mengaitkan situasi semasa dengan kandungan hadis seperti yang disingkap oleh Muhammad Hawwa, apabila sebahagian kumpulan menafsirkan situasi peperangan antara Iraq dan Amerika sebagai tafsiran bagi hadis 'Awf bin Mālik, yang menyebut tentang peperangan antara Islam dan musuhnya, dan musuh orang Islam dipimpin di bawah 80 panji<sup>17</sup>. Kata Muhammad Hawwa ketika menolak tafsiran tersebut : "...telah disebut di dalam hadis kalimah 80 panji, sedangkan peperangan yang berlaku hanya melibatkan 30 buah negara, dan Amerika hanya mempunyai 5 buah wilayah"<sup>18</sup>. Justeru, terdapat disiplin yang perlu dipatuhi sebelum menafsirkan hadis bagi topik ini dengan situasi semasa, seperti berikut :

- a) Memastikan kesahihan hadis kerana topik ini merangkumi topik akidah dan perkara ghaib seperti yang telah dijelaskan.
- b) Tidak bermudah-mudah menisbahkan situasi semasa kepada hadis tanda-tanda kiamat secara pasti melainkan setelah mempunyai isyarat yang jelas dan dipersetujui oleh pakar setiap bidang berkaitan.
- c) Usaha menisbahkan hadis tanda-tanda kiamat kepada situasi semasa perlu dilakukan oleh mereka yang mahir tentang ilmu hadis dan isi kandungannya, dan mahir tentang selok belok situasi semasa merangkumi pengetahuan perbezaan antara situasi sesebuah tempat dengan tempat yang lain, dan sesebuah masa dengan masa yang lain.
- d) Mengutamakan pemahaman secara hakikat dan tidak memahami secara metafora melainkan dengan hujah.
- e) Tidak berlebih-lebihan dalam pentafsiran kandungan hadis tanda-tanda kiamat.
- f) Mengemukakan bukti dan hujah yang kukuh tentang kaitan situasi yang dimaksudkan dengan hadis yang digunakan.

<sup>15</sup> Muḥammad Hawwā. 2016. *Manhaj al-Ta'āmul Ma'a Aḥādīth al-Fitan wa al-Mustaqbal*. <http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>

<sup>16</sup> Lihat : al-'Ujayrī, Abdullāh bin Sālīh. T.t. *Ma'ālīm wa Manārāt fī Tanzīl Aḥādīth al-Fitan wa al-Malāḥim wa Asyrāt al-Sā'ah 'Alā al-Waqā'i' wa al-Hawādīth*.

<sup>17</sup> Diriwayatkan oleh al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Jizyah. Bāb Mā Yuḥzar Min al-Ghadr. #3176.

<sup>18</sup> Muḥammad Hawwā. 2016. *Manhaj al-Ta'āmul Ma'a Aḥādīth al-Fitan wa al-Mustaqbal*. <http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>

- g) Meneliti keseluruhan hadis yang membicarakan tentang topik tersebut dan menguasai keseluruhan perkembangan situasi semasa.
- h) Tidak menokok tambah fakta yang tidak disebut di dalam hadis.
- i) Sentiasa menisbahkan kebenaran dan pengetahuan mutlak kepada Allah.

## KRONOLOGI TANDA BESAR KIAMAT

Terdapat hadis yang menyebut tentang tanda-tanda besar kiamat, dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* :

عن حذيفة بن أسيد الغفاري رضي الله عنه، قال : اطلع النبي صلى الله عليه وسلم علينا ونحن نتذاكر، فقال : ما تذاكرون ؟ قالوا نذكر الساعة، قال : إنها لن تقوم حتى ترون قبلها عشر آيات، فذكر الدخان، الدجال، والدابة، وطلوع الشمس من مغربها، ونزول عيسى بن مريم عليه السلام، وأجوج ومأجوج، وثلاثة خسوف، خسف بالمشرق، وخسف بالمغرب، وخسف بجزيرة العرب، وآخر ذلك نار تخرج من اليمن تطرد الناس إلى محشرهم.

Daripada Huzayfah bin Asīd al-Ghiffārī katanya: Nabi SAW datang kepada kami ketika kami sedang berbincang, lalu Baginda SAW bertanya: “Apa yang sedang kamu bincangkan?”. Mereka menjawab: Kami sedang berbincang tentang hari kiamat. Baginda bersabda: “Sesungguhnya kiamat tidak akan terjadi sehingga kamu melihat sepuluh tanda sebelumnya. Baginda menyebutnya: “Al-Dukhān, al-Dajjāl, al-Dābbah, terbitnya matahari dari barat, turunnya Isa bin Maryam, Yakjuj dan Makjuj, serta tiga bencana yang menenggelamkan bumi; pertama berlaku di timur, kedua di barat, ketiga di kepulauan Arab, dan terakhir munculnya api dari Yaman yang menghalau manusia menuju ke al-Mahsyar”<sup>19</sup>.

Namun begitu, tiada sebarang kenyataan daripada al-Quran mahupun al-Sunnah tentang susunan tanda besar kiamat secara pasti. Menurut Sharf Maḥmūd, penggunaan partikel huruf “و” dalam hadis yang tidak bermaksud tertib menunjukkan kandungan hadis hanyalah memaparkan tanda besar kiamat tanpa mengisyaratkan kepada susunannya<sup>20</sup>.

Tambahan lagi terdapat riwayat lain yang menyebut dengan susunan yang berlainan, seperti hadis:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : بادروا بالأعمال ستاً، طلوع الشمس من مغربها، أو الدخان، أو الدجال، أو الدابة، أو خاصة أحدكم، أو أمر العامة.

Daripada Abu Hurayrah, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Bersegeralah kamu beramal sebelum enam perkara; Terbitnya matahari dari barat, atau al-Dukhān, atau al-Dajjāl, atau al-Dābbah, atau kematian seseorang dari kalangan kamu, atau berlakunya kiamat”<sup>21</sup>.

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ثلاث إذا خرجن لا ينفع نفساً إيمانها لم تكن آمنت من قبل أو كسبت في إيمانها خيراً، طلوع الشمس من مغربها، والدجال، ودابة الأرض.

Daripada Abu Hurayrah katanya, sabda Rasulullah SAW: ‘Tiga perkara apabila ia muncul maka tidak berfaedah lagi iman seseorang yang tidak beriman sebelum itu, atau yang tidak berusaha mengerjakan kebaikan dengan imannya; terbitnya matahari dari barat, kemunculan al-Dajjāl dan al-Dābbah’<sup>22</sup>.

Kesimpulannya, hadis tentang tanda besar kiamat hanya memaparkan tanda-tandanya sahaja tanpa menyebut susunannya secara pasti. Bahkan hadis-hadis yang membicarakan tentang topik ini menyebut tanda-tanda tersebut dengan susunan yang berlainan, riwayat Huzayfah bin Asīd al-Ghiffārī dimulakan

<sup>19</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Fitan. Bab al-Āyāt Allatī Takuna Qabl al-Sa’ah. #2901.

<sup>20</sup> Al-Quḍāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2015. *Kharīḥ al-Mustaqbal fi al-Ḥadīth al-Nabawī*. Jordan : Dār al-Furqān. P. 72.

<sup>21</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Fitan Wa Asyrāṭ al-Sa’ah. Bab Fī Baqiati Min Ahādīs al-Dajjāl. #2947

<sup>22</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. Sahih Muslim. Kitāb al-Īmān. Bāb Bayān al-Zaman Allazī Lā Yuqbal Fihī al-Īmān. #158.

dengan menyebut al-Dukhān, manakala riwayat Abu Hurayrah yang pertama bermula dengan terbitnya matahari dari barat. Kemudian, riwayat Abu Hurayrah yang pertama menjadikan al-Dukhān sebagai susunan kedua, manakala riwayat beliau yang kedua pula menyebut al-Dajjāl sebagai susunan kedua. Semua ini bahawa hadis tidak menyebut susunan yang tepat tentang tanda-tanda besar kiamat.

### **Kronologi tanda besar kiamat menurut pandangan ulama.**

Sekalipun tiada dalil yang menyebut secara pasti tentang kronologi tanda-tanda besar kiamat, namun para ulama telah berijtihad dalam mengemukakan pandangan mereka tentang perkara ini berdasarkan kefahaman mereka yang pelbagai. Justeru, tidak hairan jika ditemui pelbagai susunan tanda besar kiamat yang berbeza kerana perbezaan kefahaman para ulama dalam memahami dalil yang mereka temui. Kata al-Mubarakfūrī: “Ketahuilah bahawa terdapat perbezaan riwayat dalam menyebut susunan sepuluh tanda-tanda kiamat, kerana itu ahli ilmu juga turut berbeza pandangan terhadap susunan tersebut...”<sup>23</sup>.

Pandangan para ulama tentang kronologi tanda besar kiamat adalah seperti berikut :

#### **i. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī**

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī telah membahagikan tanda-tanda besar kiamat kepada dua bahagian, iaitu tanda-tanda yang berlaku di bumi, dan tanda-tanda yang berlaku di langit<sup>24</sup>. Menurut beliau, tanda pertama yang diizinkan oleh Allah berlaku di bumi adalah kemunculan al-Dajjāl, dan tanda terakhir yang diizinkan berlaku di bumi adalah kematian Nabi Isa. Manakala tanda pertama yang diizinkan berlaku di langit adalah terbitnya matahari di barat, dan pada hari itu juga akan keluarnya al-Dābbah<sup>25</sup>.

#### **ii. Abū Abdullah Muḥammad bin Aḥmad Shams al-Dīn al-Qurtubī**

Menurut al-Qurtubī, tanda pertama yang muncul adalah al-Dajjāl, kemudian diikuti dengan turunnya Nabi Isa, kemudian keluarnya Yakjuj dan Makjuj, kemudian al-Dābbah, kemudian terbit matahari dari barat<sup>26</sup>.

#### **iii. Abū Abdullah al-Ḥākim al-Nīsabūrī**

Menurut al-Mubarakfūrī, al-Bayhaqī telah menyebut bahawa susunan yang dinyatakan oleh al-Ḥākim adalah sama dengan susunan yang dikemukakan oleh al-Qurtubī<sup>27</sup>.

#### **iv. ‘Umar Sulaymān al-Asyqar**

Beliau berpandangan bahawa tanda besar kiamat pertama yang akan muncul adalah al-Dajjāl, kemudian turunnya Nabi Isa, lalu diikuti dengan kemunculan Yakjuj dan Makjuj. Tanda terakhir pula adalah kemunculan api yang menghalau manusia menuju ke al-Mahsyar. Manakala tertib tanda-tanda lain tidak dapat dikenal pasti kerana dalil tidak menyebut secara jelas<sup>28</sup>.

#### **v. Sharf Maḥmūd al-Quḍāh**

Menurut Sharf Maḥmūd, susunan yang tepat adalah berlaku bencana di Timur, Barat, dan kepulauan Arab, kemudian dituruti dengan kemunculan al-Dajjāl, kemudian diikuti dengan

<sup>23</sup> Al-Mubarakfūrī, Abdul Rahman Abdul Rahim. T.t. *Tuḥfah al-Aḥwazī Bi Syarḥ Jāmi’ al-Tirmidhī*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah. Vol. 6. P. 346.

<sup>24</sup> Ibn Ḥajar. Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar. 1379 h. *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Lubnan : Dar al-Ma’rifah. Vol. 11. P. 353.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Al-Qurtubī, Abū Abdullah Muhammad bin Aḥmad. 1425h. *Al-Tazkirah bi Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah*. Riyadh : Maktabah Dar al-Minhaj. P. 1264.

<sup>27</sup> Al-Mubarakfuri, Abdul Rahman Abdul Rahim. T.t. *Tuḥfah al-Aḥwazī bi Syarḥ Jāmi’ al-Tirmidhī*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah. Vol. 6. P. 346.

<sup>28</sup> Al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān. 2016. *Al-‘Aqīdah fī Ḍaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Jordan : Dar al-Nafā’is. Vol. 2. P. 226.

turunnya Nabi Isa, kemudian kemunculan Yakjuj dan Makjuj, kemudian keluarnya matahari dari barat, kemudian keluarnya al-Dābbah, kemudian al-Dukhān, dan terakhir keluarnya api dari Yaman menghalau manusia ke al-Mahsyar<sup>29</sup>.

### Isyarat kronologi kiamat berdasarkan hadis

Sekalipun dalil hadis yang ada tidak menyebutkan secara pasti tentang susunan tanda-tanda besar kiamat, namun beberapa hadis Nabi SAW telah meninggalkan isyarat penting tentang susunan tersebut. Isyarat paling jelas adalah susunan terakhir tanda besar kiamat, apabila Huzayfah bin Asīd al-Ghiffārī meriwayatkan daripada Nabi SAW, seperti yang direkodkan dalam Sahih Muslim :

"...وآخر ذلك نار تخرج من اليمن تطرد الناس إلى محشرهم"

"...Dan terakhir munculnya api dari Yaman yang menghalau manusia menuju ke al-Mahsyar"<sup>30</sup>.

Justeru, melalui lafaz "وآخر ذلك", difahami bahawa tanda terakhir yang akan muncul adalah api yang keluar dari Yaman menghalau manusia menuju ke al-Mahsyar. Kenyataan ini juga adalah selari dengan pandangan Sharf Maḥmūd dan 'Umar Sulaymān al-Asyqar seperti yang telah disebutkan.

### Al-Dajjāl adalah tanda besar kiamat pertama

Melalui pemerhatian penulis terhadap beberapa buah hadis, terdapat isyarat menunjukkan bahawa kemunculan al-Dajjāl merupakan tanda pertama yang akan muncul, kronologi kemunculan al-Dajjāl adalah seperti berikut :

#### 1- Hadis Mua'z bin Jabal

عن معاذ بن جبل رضي الله عنه، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : عمران بيت المقدس خراب يثرب، وخراب يثرب خروج الملحمة، وخروج الملحمة فتح قسطنطينية، وفتح قسطنطينية خروج الدجال. ثم ضرب بيده على فخذ الذي حدثه أو منكبه، ثم قال : إن هذا لحق كما أنك هاهنا، أو كما أنك قاعد. يعني معاذ بن جبل

Daripada Mu'āz bin Jabal katanya, sabda Rasulullah SAW: "Kemakmuran Baitulmuqaddis ialah kehancuran Yathrib, kehancuran Yathrib adalah bermulanya al-Malḥamah, bermulanya al-Malḥamah adalah pembebasan Konstantinopel, dan pembebasan Konstantinopel adalah keluarnya al-Dajjāl". Kemudian Baginda SAW menepuk dengan kedua-dua tangannya di atas paha atau bahu orang yang Baginda SAW ceritakan tentang ini, lalu Baginda SAW bersabda: "Semua ini adalah sesuatu yang benar, sebagaimana kamu (Mu'āz bin Jabal) berada atau duduk di sini". Baginda maksudkan Mu'āz bin Jabal"<sup>31</sup>.

Difahami daripada hadis ini al-Dajjāl merupakan tanda besar pertama yang akan muncul selepas berakhirnya tanda-tanda kecil yang lain.

#### 2. Hadis Abu Hurairah.

عن أبي هريرة رضي الله عنه، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : سمعت ممدينة جانب منها في البر وجانب منها في البحر ؟ قالوا : نعم يا رسول الله. قال : لا تقوم الساعة حتى يغزوها سبعون ألفاً من بني إسحاق. فإذا جاءوها نزلوا. فلم يقاتلوا بسلاح، ولم يرموا بسهم. قالوا : لا إله إلا الله والله أكبر. فيسقط أحد جانبيها. — قال ثور : لا أعلمه إلا قال الذي في البحر . — ثم يقولوا الثانية :

<sup>29</sup> Al-Quḍāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2015. *Kharīṭah al-Mustaqbal fi al-Ḥadīth al-Nabawī*. Jordan : Dār al-Furqān. P. 70.

<sup>30</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Fitan Wa Asyrāt al-Sa'ah. Bāb Fi al-Āyāt Allāfi Takūn Qabl al-Sa'ah. #2901

<sup>31</sup> Diriwayatkan oleh Abū Dawd. *Sunan Abī Dawd*. Kitāb al-Malaḥīm. Bab Fī Amārāt al-Malaḥīm. #4294. Dinilai sahih oleh Ibn Kathīr dan hasan oleh Ibn Ḥajar.

لا إله إلا الله والله أكبر. فيسقط جانبها الآخر. ثم يقولوا الثالثة: لا إله إلا الله والله أكبر. فيفرج لهم فيدخلوها، فيغنموا. فبينما هم يقتسمون المغنم، إذ جاءهم الصريخ، فقال: إن الدجال قد خرج. فيتكون كل شيء ويرجعون.

Daripada Abu Hurayrah bahawa Nabi SAW bersabda: “Pernahkah kamu mendengar tentang sebuah kota yang pada satu bahagiannya adalah daratan, dan bahagian yang lain adalah lautan”. Mereka menjawab: Ya, wahai Rasulullah. Baginda bersabda: “Tidak berlakunya kiamat sehingga kota itu diperangi oleh tujuh puluh ribu dari Bani Ishāq. Apabila mereka datang, mereka tidak memerangnya dengan senjata mahupun menyerangnya dengan panah. Mereka hanya mengucapkan: Tiada tuhan selain Allah, Allah maha besar’. Lalu tertawanlah salah satu bahagiannya”. –Thawr berkata: Aku tidak ketahui melainkan Baginda mengatakan bahagian lautannya’, - kemudian mereka mengucapkan kali kedua: “Tiada tuhan selain Allah, Allah maha besar, lalu tertawanlah bahagian yang lain. Kemudian mereka mengucapkan kali ketiga: Tiada tuhan selain Allah, Allah maha besar. Lalu dibuka pintu kepada mereka, lantas mereka memasukinya dan mengambil harta rampasan perang. Ketika mereka membahagikan harta tersebut, datang seseorang sambil melaungkan ‘Sesungguhnya al-Dajjāl telah muncul !’. Lantas mereka meninggalkan semua perkara, lalu pulang”<sup>32</sup>.

Hadis ini juga mengisyaratkan al-Dajjāl sebagai tanda besar kiamat pertama yang akan muncul selepas berlaku penewanan sebuah kota.

Terdapat juga hadis lain melalui riwayat Abdullah bin Mas’ūd bahawa al-Dajjāl akan muncul setelah tentera Muslimin mengharungi peperangan berdarah selama empat hari menentang tentera Rom. Setelah berakhirnya peperangan yang amat dahsyat yang dimenangi oleh tentera Muslimin, tiba-tiba datang pekikan menyatakan bahawa al-Dajjāl telah keluar dan telah sampai kepada keluarga-keluarga mereka.

“...فإذا كان يوم الرابع، نهد إليهم بقية أهل الإسلام، فيجعل الله الديرة عليهم. فيقتلون مقتلة — إما قال: لا يرى مثلها، وإما قال: لم ير مثلها — حتى إن الطائر ليمر بجنباتهم، فما خلفهم حتى يخر ميتا. فيتعاد بنو الأب، كانوا مائة، فلا يجدونه بقي منهم إلا الرجل الواحد، فبأي غنيمة يفرح، أو أي ميراث يقاسم. فبينما هم كذلك، إذ سمعوا ببأس هو أكبر من ذلك. فجاءهم الصريخ، إن الدجال قد خلفهم في ذراريهم...”

“...Pada hari keempat, bala tentera muslimin yang lain kembali mara, dan Allah menjadikan kekalahan di pihak mereka (tentera kafir). Mereka berperang dalam satu peperangan yang sangat dahsyat – yang tidak pernah dilihat sebelum ini sepertinya – sehingga burung yang terbang melintasi segenap penjuru medan perang akan jatuh mati tanpa dapat melaluinya. Kemudian satu kabilah menghitung, mereka asalnya berjumlah seratus orang, tetapi yang tinggal hanyalah seorang lelaki. Maka harta rampasan manakah yang boleh menggemirakan?, atau harta pusaka manakah yang boleh dibahagikan?. Sedang mereka dalam keadaan sedemikian, terdengar ujian yang lebih menggerunkan. Kedengaran sebuah pekikan yang mengatakan bahawa al-Dajjāl telah berada bersama-sama keluarga mereka...”<sup>33</sup>.

Hadis-hadis yang dikemukakan merupakan bukti bahawa al-Dajjāl merupakan tanda besar kiamat pertama yang akan muncul. Pandangan ini juga adalah selari dengan pandangan beberapa sarjana Islam seperti Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852 h), al-Qurtubī (671 h), al-Ḥākim (405 h), dan sarjana semasa ‘Umar Sulaymān al-Asyqar.

<sup>32</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Fitan Wa Asyrāt al-Sa’ah. Bab Lā Taqūm al-Sā’ah Ḥattā Yamurra al-Rajul bi Qabr al-Rajul. # 5199.

<sup>33</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Fitan Wa Asyrāt al-Sa’ah. Bāb Iqbāl al-Rūm Fī Kasrah al-Qitāl ‘Indā Khurūj al-Dajjāl. #5160.



### Al-Masih Isa adalah tanda besar kiamat kedua.

Berdasarkan isyarat daripada hadis-hadis Nabi SAW juga, didapati turunnya al-Masih Nabi Isa adalah tanda besar kiamat kedua yang akan muncul. Hadis-hadis yang dimaksudkan adalah :

- i. Melalui riwayat al-Nawwās bin Sam’ān, ketika Rasulullah SAW menceritakan tentang perihwal kedatangan al-Dajjāl, antara topik yang diceritakan adalah tentang al-Dajjāl memenggal seorang pemuda sehingga terputus menjadi dua bahagian. Menurut baginda Nabi SAW, pada waktu itulah Allah mengutuskan al-Masih Putera Maryam dan Baginda a.s turun di sebuah menara putih di Timur Damsyik.

"...ثم يدعو رجلا ممتلئا شبابا، فيضربه بالسيف فيقطعه جزلتين رمية الغرض، ثم يدعو فيقبل ويتهلل وجهه، يضحك، فبينما هو كذلك إذ بعث الله المسيح ابن مريم، فينزل عند المنارة البيضاء شرقي دمشق، بين مهروتين، واضعاً كفيه على أجنحة ملكين، إذا طأ رأسه قطر، وإذا رفعه تحدر منه جمان كالؤلؤ..."

"...Setelah itu al-Dajjāl memanggil seorang pemuda yang sasa, kemudian dia memenggal pemuda tersebut dengan pedang sehingga terputus menjadi dua bahagian dengan sekali pukulan, seterusnya dia menyeru mayat itu, lalu pemuda itu datang kepada al-Dajjāl dengan muka berseri sambil mentertawakannya. Dalam keadaan itulah Allah mengutuskan al-Masih Putera Maryam, baginda turun di sebuah menara putih di Timur Damsyik dengan memakai perhiasan kuning keemasan, sambil meletakkan kedua-dua tapak tangannya di atas dua sayap malaikat..."<sup>34</sup>.

- ii. Melalui riwayat al-Nawwās bin Sam’ān juga, Baginda SAW menyatakan bahawa Nabi Isa merupakan individu yang bertanggungjawab membunuh al-Dajjāl.

"...فلا يجلب لكافر يجد ريح نفسه إلا مات، ونفسه ينتهي حيث ينتهي طرفه، فيطلبه حتى يدركه بباب لد فيقتله..."

"...Orang kafir pada ketika itu akan mati apabila mereka mencium bau nafasnya, nafasnya tersebar di mana jua baginda berjalan. Baginda mencari al-Dajjāl sehinggalah menjumpainya di pintu Lud lalu membunuhnya..."<sup>35</sup>.

Bahkan, Abū Hurayrah turut meriwayatkan dengan maksud yang sama :

عن أبي هريرة رضي الله عنه، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : ليس بيني وبينه نبي - يعني عيسى - وإنه نازل، فإذا رأيتموه فاعرفوه : رجل مربع إلى الحمرة والبياض، بين ممصرتين، كأن رأسه يقطر، وإن لم يصبه بلل، فيقاتل الناس على الإسلام، فيدق الصليب، ويقتل الخنزير، ويضع الجزية، ويهلك الله في زمنه الملل كلها إلا الإسلام، ويهلك المسيح الدجال..."

"Daripada Abū Hurayrah r.a, bahawasanya Nabi SAW bersabda : 'Tidak ada nabi di antara aku dengan dia (Nabi Isa), kelak dia akan turun, ketika kamu melihatnya nescaya kamu akan mengenalinya, dia seorang yang tidak tinggi dan tidak rendah, berkulit merah keputih-putihan, memakai pakaian kekuning-kuningan, rambutnya seolah-olah menitiskan air sekalipun tidak basah, dia akan memerangi manusia supaya menuju kepada Islam, menghancurkan salib, membunuh khinzir, dan menghapuskan jizyah. Pada zaman Baginda a.s, semua agama akan dibinasakan oleh Allah melainkan agama Islam, dan al-Dajjal akan dibunuh pada ketika itu..."<sup>36</sup>.

<sup>34</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Fitan Wa Asyrāṭ al-Sa'ah. Bāb Zikr al-Dajjāl Wa Sifatih Wa Ma Ma'ah. #5228.

<sup>35</sup> Ibid.

<sup>36</sup> Diriwayatkan oleh Abū Dawd. *Sunan Abī Dawd*. Kitāb al-Malahīm. Bāb Khurūj al-Dajjāl. #4324. Dinilai sahih oleh Ibn Ḥibbān, Ibn Kathīr, Ahmad Syākir dan al-Albānī.

Melalui dua hadis yang dinyatakan, terdapat isyarat bahawa Nabi Isa a.s. akan turun selepas kemunculan al-Dajjāl. Malah, Baginda adalah individu yang bertanggungjawab membunuh al-Dajjāl kelak di pintu Lud seperti yang direkod di dalam hadis. Kenyataan bahawa penurunan Nabi Isa adalah tanda besar kiamat kedua juga merupakan pendapat al-Qurtubī (671 h), al-Ḥākim (405 h), dan ‘Umar Sulaymān al-Asyqar.

### **Yakjuj dan Makjuj adalah tanda besar kiamat ketiga.**

Menurut ‘Umar Sulaymān al-Asyqar, terdapat isyarat yang jelas tentang susunan tiga tanda besar kiamat terawal, dan baki tanda-tanda yang lain tidak diisyaratkan secara jelas di dalam hadis-hadis Nabi SAW<sup>37</sup>. Melalui riwayat al-Nawwās bin Sam‘ān, penulis melihat terdapat maksud yang menunjukkan bahawa Yakjuj dan Makjuj akan muncul setelah penurunan Nabi Isa ke bumi:

"...ثم يأتي عيسى ابن مريم قوم قد عصمهم الله منه، فيمسح عن وجوههم، ويحدثهم بدرجاتهم في الجنة، فينما هو كذلك إذ أوحى الله إلى عيسى : إني قد أخرجت عبداً لي لا يدان لأحد بقتلهم، فحرز عبادي إلى الطور، ويبعث الله يأجوج ومأجوج، وهم من كل حدب ينسلون..."

"...Kemudian Isa bin Maryam pergi ke suatu kaum yang dilindungi oleh Allah daripada al-Dajjāl, baginda mengusap wajah mereka dan menceritakan tingkatan mereka di syurga. Pada waktu itu, Allah mewahyukan kepada Nabi Isa a.s. : ‘Sesungguhnya Aku telah mengeluarkan hambaKu yang tiada seorang pun dapat memerangi mereka, maka iringilah mereka ke al-Ṭūr.’ Lalu Allah mengutuskan Yakjuj dan Makjuj, mereka memenuhi keseluruhan puncak bumi dengan cepat..."<sup>38</sup>.

Penggunaan uslub "فبينما هو كذلك" dalam riwayat ini merupakan isyarat jelas bahawa tertib kemunculan Yakjuj dan Makjuj adalah selepas penurunan Nabi Isa.

### **Matahari terbit dari barat adalah tanda besar kiamat keempat.**

Sekalipun tiada isyarat jelas dalam hadis Nabi SAW tentang susunan selepas kemunculan Yakjuj dan Makjuj, namun melihat kepada tanda-tanda kiamat yang berbaki, didapati tanda besar kiamat seterusnya yang akan muncul adalah terbitnya matahari daripada barat.

Terdapat pelbagai hadis yang menyatakan bahawa iman seseorang manusia tidak lagi bermanfaat selepas terbitnya matahari daripada barat:

عن أبي هريرة رضي الله عنه، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا تقوم الساعة حتى تطلع الشمس من مغربها، فإذا طلعت فرآها الناس آمنوا أجمعون، فذلك حين: لا ينفع نفساً إيماناً لم تكن آمنت من قبل.

"Daripada Abū Hurayrah, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah matahari terbit daripada barat. Apabila berlaku kejadian itu, manusia segera beriman. Namun pada saat itu tidak bermanfaat lagi iman seseorang yang belum beriman sebelum itu"<sup>39</sup>.

عن أبي هريرة رضي الله عنه، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من تاب قبل أن تطلع الشمس من مغربها، تاب الله عليه

<sup>37</sup> Al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān. 2016. *Al-‘Aqīdah fī Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Jordan : Dar al-Nafā’is. J. 2. Hlm. 226.

<sup>38</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Fitan. Bab Zikr al-Dajjāl wa Sifatih Wa Ma Ma’ah. #5228.

<sup>39</sup> Diriwayatkan oleh al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitab al-Tafsīr. Bab Qul Halumma Syuhada’akum. #4635

“Daripada Abu Hurayrah r.a katanya, sabda Rasulullah SAW: “Sesiapa yang bertaubat sebelum matahari terbit dari arah barat, maka Allah akan menerima taubatnya”<sup>40</sup>.

عن أبي موسى رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم، قال: إن الله جل وعلا يبسط يده بالليل ليتوب مسيء النهار، ويبسط يده بالنهار ليتوب مسيء الليل، حتى تطلع الشمس من مغربها.

Daripada Abī Mūsa, daripada Nabi SAW, sabda Baginda: “Sesungguhnya Allah SWT menghamparkan tanganNya di waktu malam demi menerima taubat pelaku kesalahan di waktu siang, dan Dia menghamparkan tangannya di waktu siang demi menerima taubat pelaku kesalahan di waktu malam, sehinggalah terbitnya matahari dari barat”<sup>41</sup>.

Manakala riwayat Abū Hurayrah menyatakan antara perkara yang dilakukan oleh Nabi Isa selepas penurunan Baginda adalah memerangi manusia agar memeluk agama Islam:

عن أبي هريرة رضي الله عنه، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "ليس بيني وبينه نبي - يعني عيسى - وإنه نازل، فإذا رأيتموه فاعرفوه : رجل مربع إلى الحمرة والبياض، بين ممرتين، كأن رأسه يقطر، وإن لم يصبه بلل، فيقاتل الناس على الإسلام..."

Daripada Abū Hurayrah, bahawasanya Nabi SAW bersabda : “Tidak ada nabi di antara aku dengan dia (Nabi Isa), kelak dia akan turun, ketika kamu melihatnya nescaya kamu akan mengenalinya, dia seorang yang tidak tinggi dan tidak rendah, berkulit merah keputih-putihan, memakai pakaian kekuning-kuningan, rambutnya seolah-olah menitiskan air sekalipun tidak basah, dia akan memerangi manusia supaya menuju kepada Islam...”<sup>42</sup>.

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, didapati tanda besar kiamat Yakjuj dan Makjuj serta terbitnya matahari dari barat akan berlaku selepas penurunan Nabi Isa. Jika tanda matahari terbit dari barat datang sebelum penurunan Nabi Isa, pasti perjuangan Nabi Isa mengajak manusia menuju kepada Islam adalah sia-sia kerana pintu taubat telah tertutup. Namun dari sudut susunan, penulis melihat isyarat hadis menunjukkan Yakjuj dan Makjuj akan muncul terlebih dahulu daripada tanda matahari terbit dari barat. Isyarat tersebut jelas berdasarkan penggunaan uslub "فبينما هو كذلك" yang terdapat dalam hadis al-Nawwās bin Sam’ān seperti yang telah dibincangkan.

### **Al-Dābbah adalah tanda besar kiamat kelima.**

Antara sifat al-Dābbah adalah mampu berkata-kata dengan manusia. Firman Allah dalam Surah al-Naml:

وَإِذَا وَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَابَّةً مِّنَ الْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ النَّاسَ كَانُوا بِآيَاتِنَا لَا يُوقِنُونَ

“Dan apabila sampai masa berlakunya hukuman atas manusia, Kami keluarkan untuk mereka sejenis binatang dari bumi, yang akan menyatakan kepada mereka bahawa manusia telah tidak meyakini ayat-ayat keterangan dan pengajaran Kami”<sup>43</sup>.

Aḥmad bin Ḥanbal merekodkan riwayat daripada Abū Umāmah dengan dinisbahkan kepada Nabi, katanya:

<sup>40</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Zikr Wa al-Du’ā Wa al-Tawbah wa al-Istighfār. Bāb Istihbāb al-Istighfār Wa al-Istikhār Minh. #2703

<sup>41</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Tawbah. Bāb Qabūl al-Tawbah Min al-Zunūb Wa In Takarrarat al-Zunūb Wa al-Tawbah. #2759.

<sup>42</sup> Diriwayatkan oleh Abū Dawd. *Sunan Abī Dawd*. Kitāb al-Malaḥīm. Bāb Khurūj al-Dajjāl. #4324. Dinilai sahih oleh Ibn Ḥibbān, Ibn Kathīr, Ahmad Syākir dan al-Albānī.

<sup>43</sup> Al-Quran. Al-Naml. 27 : 82.

"تخرج الدابة فتسم الناس على خراطيمهم، ثم يعمرون فيكم، حتى يشتري الرجل البعير، فيقول: ممن اشتريته؟، فيقول: اشتريته من أحد المخطمين".

"Akan keluar al-Dābbah lalu memberikan tanda pada hidung-hidung manusia, kemudian ia melalui dikalangan kamu, sehinggalah ia berkata kepada seorang lelaki yang membeli seekor unta: Dari siapakah kamu membelinya?, maka dijawab: Aku membelinya daripada salah seorang yang bertanda"<sup>44</sup>.

Riwayat Abu Hurayrah pula menyatakan bahawa al-Dābbah menanda 'kafir' pada hidung golongan kafir, lalu ia menggelar mereka sebagai kafir, dan menggelar orang mukmin sebagai mukmin:

"...وتختتم أنف الكافر بالخاتم، حتى إن أهل الخوان ليجتمعون فيقول: ها ها يا مؤمن، ويقال: ها ها يا كافر، ويقال: هذا يا كافر وهذا يا مؤمن".

"...Ia menanda hidung golongan kafir dengan suatu tanda, sehingga apabila orang berkumpul untuk makan, maka ia berkata: silakan wahai mukmin, ia berkata: silakan wahai kafir, ia berkata: silakan itu wahai kafir, silakan itu wahai mukmin"<sup>45</sup>.

Ibn Hajar al-Asqalānī menyatakan hikmah daripada kemunculan al-Dābbah selepas peristiwa terbit matahari dari barat adalah apabila pintu taubat ditutup oleh Allah selepas peristiwa matahari tersebut, maka datang al-Dābbah selepas itu untuk megasingkan golongan mukmin daripada golongan kafir<sup>46</sup>.

### **Al-Dukhān adalah tanda besar kiamat keenam.**

Abdullāh bin Mas'ūd berpandangan tanda besar kiamat al-Dukhān telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW lagi. Dalam *Ṣaḥīḥ Muslīm*, daripada Masrūq:

"...إنما كان هذا، أن قريشاً لما استعصت على النبي صلى الله عليه وسلم، دعا عليهم بسنين كسني يوسف، فأصابهم قحط وجهد، حتى جعل الرجل ينظر إلى السماء فيرى بينه وبينها كهيئة الدخان من الجهد، وحتى أكلوا العظام، فأتى النبي صلى الله عليه وسلم رجلاً فقال: يا رسول الله استغفر الله لمضر، فإنهم قد هلكوا..."

"...Sesungguhnya asap tersebut adalah asap yang menimpa kaum Quraisy apabila mereka menderhaka Nabi SAW, Baginda SAW telah berdoa agar mereka ditimpa tahun-tahun kemarau Nabi Yusuf, maka mereka ditimpa dengan kemarau dan merasa keletihan, sehinggalah seorang lelaki melihat ke arah langit, dia melihat terdapat asap antara dirinya dan langit kerana keletihan, sehingga mereka memakan tulang-tulang. Sehinggalah seorang lelaki datang kepada Nabi SAW. lalu berkata: 'Wahai Rasulullah, mintalah ampun kepada Allah untuk Muḍar, kerana mereka telah binasa...'"<sup>47</sup>.

Namun begitu, majoriti para ulama' berpandangan tanda besar kiamat al-Dukhān belum lagi berlaku kerana tanda ini akan berlaku ketika hampir-hampir berlakunya kiamat. Ibn Kathīr menukikan riwayat Huzayfah bin Asīd al-Ghiffarī bagi menolak pandangan ini. Beliau juga menyatakan pandangan yang mengatakan al-Dukhān belum berlaku adalah pandangan 'Alī bin Abī Ṭālib, Abdullah bin 'Umar, dan Ibn Abī Mulaykah<sup>48</sup>. Bahkan, al-Dukhān yang ditafsirkan oleh Ibn Mas'ūd hanyalah khayalan kesan

<sup>44</sup> Diriwayatkan oleh Aḥmad. *Musnad Ahmad*. Musnad al-'Asyarah al-Mubassyrīn bi al-Jannah. Musnad al-Anṣār. Hadis Abī Umāmah al-Bāhilī. #21720. Dinilai sahih oleh al-Albānī.

<sup>45</sup> Diriwayatkan oleh al-Tirmidhī. *Sunan al-Tirmidhī*. Abwāb Tafsīr al-Qurān. Min Sūrah al-Naml. #3187. Al-Tirmidhī menilai sebagai hasan.

<sup>46</sup> Ibn Hajar. Aḥmad bin 'Alī bin Hajar. 1379 h. *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Lubnan: Dar al-Ma'rifah. Vol. 11. P. 353

<sup>47</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab Sifah al-Munāfiqīn wa Aḥkāmuhum. Bab al-Dukhān. #2789.

<sup>48</sup> Ibn Kathīr. 2008. *Tafsīr Ibn Kathīr Tahzīb Wa Tartīb Solāḥ 'Abdūl Fattāḥ al-Khālīdī*. Jordan: Dar al-Fārūq. Vol. 5. P. 2967

daripada keletihan dan kelaparan, sedangkan al-Dukhān yang menjadi tanda besar kiamat adalah suatu yang jelas<sup>49</sup>.

Apabila melihat kepada teks hadis, penulis mendapati tanda kiamat besar al-Dukhān akan turut memberi kesan kepada golongan mukmin selain daripada golongan kafir. Melalui riwayat Masrūq:

"...يأتي الناس يوم القيامة دخان، فيأخذ بأنفاسهم حتى يأخذ منه كهية الزكام..."

"...Akan ada asap yang akan mendatangi manusia pada hari kiamat lalu mencabut nyawa mereka seperti mereka terkena selsema..."<sup>50</sup>.

Pengkhususan kepada kaum muslimin terdapat dalam Sahih al-Bukhārī :

"...يبيء دخان يوم القيامة فيأخذ بأسماع المنافقين وأبصارهم، يأخذ المؤمن كهية الزكام..."

"...Akan datang al-Dukhān yang akan mengambil pendengaran golongan munafiq serta penglihatan mereka, ia juga mencabut nyawa orang mukmin seperti mereka terkena selsema..."<sup>51</sup>.

Terdapat pelbagai athār lain yang turut menyatakan pencabutan nyawa mukmin seperti terkena selsema. Kata Ibn Hajar, sekalipun athār-athār tersebut berstatus daif, namun kepelbagaian riwayat yang menceritakan tentangnya menunjukkan kejadian ini mempunyai asasnya<sup>52</sup>.

Kemudian, dalam riwayat al-Nawwās bin Sam'ān, Rasulullah SAW bersabda :

"...فبينما هم كذلك، إذ بعث الله ريحا طيبة، فتأخذهم تحت آباطهم، فتقبض روح كل مؤمن وكل مسلم، ويبقى شرار الناس يتهاجرون فيها تهاج الحمى، فعليهم تقوم الساعة..."

"...Dalam keadaan itu, Allah mengutus angin yang nyaman, lalu mencabut roh setiap orang mukmin dan muslim dari bawah ketiak mereka, maka yang berbaki adalah golongan yang buruk dalam kalangan manusia, mereka melakukan keburukan di atas muka bumi dan berzina seperti himar, ketika itulah terjadinya kiamat..."<sup>53</sup>.

Setiap hadis di atas mengisyaratkan bahawa al-Dukhān akan turut dirasai oleh orang mukmin. Justeru, tanda ini kemungkinan akan berlaku sebelum atau semasa kedatangan angin yang mencabut roh orang mukmin kelak. Kemudian, tanda ini akan terus kekal melanda golongan yang buruk dikalangan manusia yang melakukan keburukan di atas muka bumi selepas itu, ia akan mencabut pendengaran serta penglihatan mereka seperti yang direkodkan dalam riwayat Sahih al-Bukhari.

### **Kemusnahan di Timur, Barat, dan kepualauan Arab adalah tanda besar kiamat ketujuh, lapan dan sembilan.**

Berdasarkan riwayat al-Nawwās bin Sam'ān, apabila Allah mengutus angin lembut mencabut roh golongan mukmin dari ketiak mereka, lalu yang berbaki selepas itu hanyalah golongan buruk di kalangan manusia, mereka melakukan kemaksiatan di atas muka bumi.

"...فبينما هم كذلك، إذ بعث الله ريحا طيبة، فتأخذهم تحت آباطهم، فتقبض روح كل مؤمن وكل مسلم، ويبقى شرار الناس يتهاجرون فيها تهاج الحمى، فعليهم تقوم الساعة..."

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb Sifat al-Qiyāmah wa al-Jannah wa al-Nār. #2798.

<sup>51</sup> Diriwayatkan oleh al-Bukhārī. *Saḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb Tafsīr al-Qurān. Bāb Sūrah al-Rūm.4774 #.

<sup>52</sup> Ibn Hajar. Aḥmad bin 'Alī bin Hajar. 1379 h. *Faṭḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Lubnan : Dar al-Ma'rifah. Vol. 8. P. 572.

<sup>53</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Fitan. Bab Zikr al-Dajjāl wa Sifatih Wa Ma Ma'ah. #5228.

“...Dalam keadaan itu, Allah mengutus angin yang nyaman, lalu mencabut roh setiap orang mukmin dan muslim dari bawah ketiak mereka, maka yang berbaki adalah golongan yang buruk dalam kalangan manusia, mereka melakukan keburukan di atas muka bumi dan berzina seperti himar, ketika itulah terjadinya kiamat...”<sup>54</sup>.

Manakala dalam Sahih al-Bukhārī :

عن أبي عامر أو أبي مالك الأشعري رضي الله عنه - والله ما كذبني - سمع النبي صلى الله عليه وسلم يقول : ليكونن من أمتي أقوام يستحلون الحر، والحريم، والخمر، والمعازف. ولينزلن أقوام إلى جنب علم، يروح عليهم بسارحة لهم. يأتيهم - يعني الفقير - لحاجة، فيقولون : ارجع إلينا غدا. فيبيتهم الله ويضع العلم، ويمسخ الآخرين قردة وخنازير إلى يوم القيامة.

Daripada Abu ‘Āmir atau Abū Mālik al-Asy’arī r.a, - demi Allah dia tidak berbohong kepadaku -, dia mendengar Nabi SAW bersabda: ‘Akan terdapat dalam kalangan umatku golongan yang menghalalkan zina, sutera, arak dan alat muzik. Akan terdapat golongan yang tinggal di puncak bukit sambil didatangi para pembantu yang memenuhi keperluan seharian mereka. Apabila golongan fakir datang kepada mereka untuk memohon sesuatu, mereka menjawab : ‘Datanglah semula kepada kami esok’. Lantas Allah memusnahkan mereka pada malam itu dengan menggoncangkan bukit tersebut sehingga hancur, serta sebahagian mereka diubah rupa menjadi kera dan khinzir sehingga hari kiamat’<sup>55</sup>.

Berdasarkan dua hadis ini, penulis menyimpulkan kejadian bencana di Timur, Barat dan Kepulauan Arab adalah tanda besar kiamat ketujuh, kelapan dan kesembilan. Melalui riwayat al-Nawwās bin Sam’ān r.a, kiamat akan berlaku ketika golongan buruk melakukan kerosakan dan kemaksiatan di atas muka bumi. Manakala riwayat Abū ‘Āmir r.a atau Abū Malik al-Asy’arī memperincikan perkara tersebut, apabila riwayat ini menceritakan akan sampai suatu waktu, segolongan umat Nabi SAW menghalalkan perkara yang haram, lalu Allah memusnahkan mereka dan menukar rupa bentuk wajah mereka.

Sekalipun pandangan Sharf al-Qudāh menyatakan kemusnahan ini akan berlaku lebih awal<sup>56</sup>, namun berdasarkan isyarat daripada hadis, kemusnahan ini akan berlaku setelah bumi hanya dihuni oleh golongan buruk yang melakukan kemaksiatan. Apabila mereka leka dalam keadaan tersebut, maka Allah memusnahkan mereka dengan menurunkan bencana dan menukar rupa bentuk mereka menjadi haiwan.

### Api daripada Yaman adalah tanda besar kiamat terakhir.

Tanda besar kiamat yang kesepuluh mempunyai isyarat yang jelas dalam riwayat Huzayfah bin Asīd al-Ghiffārī:

عن حذيفة بن أسيد الغفاري رضي الله عنه، قال : اطلع النبي صلى الله عليه وسلم علينا ونحن نتذاكر، فقال : ما تذاكرون ؟ قالوا نذكر الساعة، قال : إنها لن تقوم حتى ترون قبلها عشر آيات، فذكر الدخان، الدجال، والداية، وطلوع الشمس من مغربها، ونزول عيسى بن مريم عليه السلام، ويأجوج ومأجوج، وثلاثة خسوف، خسف بالمشرق، وخسف بالمغرب، وخسف بجزيرة العرب، وآخر ذلك نار تخرج من اليمن تطرد الناس إلى محشرهم.

Daripada Huzayfah bin Asīd al-Ghiffārī katanya: Nabi SAW datang kepada kami ketika kami sedang berbincang, lalu Baginda SAW bertanya: “Apa yang sedang kamu bincangkan?”. Mereka menjawab: Kami sedang berbincang tentang hari kiamat. Baginda bersabda: “Sesungguhnya kiamat tidak akan

<sup>54</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Fitan. Bab Zikr al-Dajjāl wa Sifatih Wa Ma Ma’ah. #5228.

<sup>55</sup> Diriwayatkan oleh al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Asyribah. Bab Mā Jā’a Fī Man Yastahillu al-Khamr wa Yusammihū Bighayr Ismihī. #5590.

<sup>56</sup> Al-Qudāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2015. *Kharīṭah al-Mustaqbal fī al-Ḥadīth al-Nabawī*. Jordan : Dār al-Furqān. P. 70.

terjadi sehingga kamu melihat sepuluh tanda sebelumnya. Baginda menyebutnya: al-Dukhān, al-Dajjāl, al-Dābbah, terbitnya matahari dari barat, turunnya Isa bin Maryam a.s. , Yakjuj dan Makjuj, serta tiga bencana yang menenggelamkan bumi; pertama berlaku di timur, kedua di barat, ketiga di kepulauan Arab, dan terakhir munculnya api dari Yaman yang menghalau manusia menuju ke al-Mahsyar<sup>57</sup>.

Penggunaan partikel "وأخر ذلك" dalam hadis ini menunjukkan bahawa kemunculan api dari Yaman menghalau manusia ke al-Mahsyar adalah tanda besar terakhir yang akan muncul sebelum berlakunya kiamat.

## KESIMPULAN

Natijah kajian ini adalah seperti berikut :

1. Riwayat berkaitan al-fitān dan tanda-tanda kiamat termasuk dalam bahagian akidah dan perkara ghaib yang hanya perlu disandarkan kepada dalil yang sahih sahaja.
2. Interaksi dengan riwayat berkaitan al-fitān dan tanda-tanda kiamat memerlukan disiplin yang tinggi merangkumi disiplin dalam berinteraksi dengan riwayat dan disiplin memahami teks riwayat.
3. Sesuatu peristiwa semasa tidak boleh dikaitkan dengan hadis akhir zaman secara mudah melainkan dengan hujah yang kukuh.
4. Tiada kenyataan tentang susunan tanda besar kiamat secara jelas dalam dalil, namun masih terdapat isyarat tentang susunannya.
5. Kronologi tanda besar kiamat berdasarkan isyarat daripada hadis adalah :
  - i. Al-Dajjāl
  - ii. Nabi Isa a.s
  - iii. Yakjuj dan Makjuj
  - iv. Matahari terbit dari barat
  - v. Al-Dābbah
  - vi. Al-Dukhān
  - vii. Bencana di Timur, Barat, dan kepulauan Arab
  - viii. Api dari Yaman menghalau manusia ke al-Mahsyar

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian hasil kajian dari Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, dengan kod pendaftaran penyelidikan: USIM/FRGS/FPQS/055002/51019.

---

<sup>57</sup> Diriwayatkan oleh Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Fitān Wa Asyrāt al-Sa'ah. Bab al-Āyāt Allatī Takūna Qabl al-Sa'ah. #2901.

## RUJUKAN

1. Al-Quran
2. Aḥmad bin Ḥanbal. 2001. *Musnad Ahmad*. Mu'assasah al-Risālah.
3. Ahmad Mukhtar Abdul Hamid. 2008. *Mu'jam al-Lughah al-Arabyyah al-Mu'āṣarah*. 'Ālam al-Kitāb.
4. Al-Asyqar, 'Umar Sulaymān. 2016. *Al-'Aqīdah fī Ḍaw' al-Kitāb wa al-Sunnah*. Jordan : Dār al-Nafā'is.
5. Al-Ghawrī, Sayyid Abd al-Mājid. 2017. *Al-Ḍawābiḥ al-Asasiyyah li Fahm al-Hadīth al-Nabawī*. Malaysia : Dār al-Syākir.
6. Al-Jurjānī. 'Alī bin Muḥammad. 1983. *Kitāb al-Ta'rifāt*. Lubnan : Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
7. Al-Mubārakfūrī, Abdul Rahman Abdul Rahim. T.t. *Tuḥfah al-Aḥwazī Bi Syarḥ Jāmi' al-Tirmidhī*. Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
8. Al-Qardāwī, Yūsuf. 2013. *Kayfa Nata'āmalu Ma'a al-Sunnah*. Dār al-Syurūq.
9. Al-Quḍāh, Sharf Maḥmūd Muḥammad. 2013. *Al-Minhaj al-Hadis fī Ulum al-Hadis*. Jordan : Dār al-Furqān.
10. Al-Qurtubī, Abū Abdullah Muhammad bin Aḥmad. 1425h. *Al-Tazkirah bi Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah*. Riyadh : Maktabah Dār al-Minhaj.
11. al-'Ujayrī, Abdullāh bin Sālīḥ. T.t. *Ma'ālīm wa Manārāt fī Tanzīl Aḥādīth al-Fitan wa al-Malāḥim wa Asyrūḥ al-Sa'ah 'Alā al-Waqā'i' wa al-Ḥawādīth*.
12. Ibn Ḥajar. Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar. 1379 h. *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Lubnan : Dār al-Ma'rifah.
13. Ibn Kathīr. 2008. *Tafsīr Ibn Kathīr Tahzīb Wa Tartīb Solāḥ 'Abdūl Fattāḥ al-Khālīdī*. Jordan : Dār al-Fārūq.
14. Ibn Manzūr. Muḥammad bin Makram. 1414 h. *Lisān al-Arab*. Beirut : Dār Ṣādir.
15. Majma' al-Lughah al-'Arabiah al-Qāhirah. T.t. *Al-Mu'jam al-Wasīf*. Dār al-Da'wah.
16. Muhammad bin 'Īsā bin Sūrah. 1975. *Sunan al-Tirmidhī*. Mesir : Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
17. Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī. 1422 h. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār Ṭūq al-Najāh.
18. Muḥammad Hawwā. 2016. *Manhaj al-Ta'āmul Ma'a Aḥādīth al-Fitan wa al-Mustaqbal*. <http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>
19. Muslim bin Hajjāj al-Nīsābūrī. T.t. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Tahqīq Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Beirut : Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabī.
20. Sulayman bin al-Asy'ath. T.t. *Sunan Abī Dawd*. Kitab al-Malaḥim. Beirut : al-Maktabah al-'Asriyyah.